

# PM YAKIN DAPAT TERUS PIMPIN UMNO DENGAN BERKESAN

UM 25 APR 1987

KUALA LUMPUR 24 April  
— Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin beliau dapat terus memimpin UMNO dengan berkesan walaupun mendapat mandat selaku Presiden parti dengan majoriti yang kecil. Sambil menyifatkan pertandingan merebut jawatan Presiden di Perhimpunan Agung UMNO hari ini sebagai "pertandingan biasa seperti pertandingan - pertandingan yang lain," beliau berkata:  
"Majoriti yang saya perolehi adalah lebih dari satu. Seperti yang saya janjikan saya akan terus memimpin jika mendapat lebih dari satu undi dan saya mendapatnya."  
Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian apabila dikerumuni oleh para pemberita di kediamannya di Seri Perdana lewat malam ini sebaik sahaja keputusan rasmi pemilihan UMNO diumumkan oleh Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah

melalui radio. Ditanya apakah beliau masih boleh terus memimpin UMNO dengan berkesan setelah hanya memperolehi majoriti yang tipis, Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau tidak nampak sebab beliau tidak boleh berbuat demikian. Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab beberapa pertanyaan sama ada beliau akan melakukan apa - apa perubahan dalam kerajaan khususnya kabinet, ditanya apakah Tengku Razaleigh akan dikekalkan dalam kabinet, katanya "tengoklah dulu. Sabar."  
Menurutnya, apa yang penting ialah bagi seluruh ahli UMNO bersatu semula. Menjawab satu pertanyaan lain, beliau berkata azamnya ialah untuk memerintah negara dengan sempurna seperti dulu. Sebarang perubahan tambah beliau akan difikirkan kemudian kerana keutamaannya yang pertama adalah untuk mentadbir parti dan kerajaan dengan baik. Ditanya reaksinya apakah keputusan pemilihan hari ini menunjukkan bahawa Tengku Razaleigh mempunyai sokongan, katanya, perkara itu adalah agak terlalu awal untuk diramalkan kerana ia perlu dianalisa terlebih dulu dengan mendapatkan maklum balas ahli. Mengenai pertandingan yang ditempuhinya, Presiden UMNO berkata perasaannya tidak penting tetapi apa yang lebih penting ialah apa yang

dilakukan oleh UMNO. Diminta komen mengenai kenyataan menteri - menteri tertentu bahawa mereka akan mengundurkan diri jika kalah, Perdana Menteri berkata soal itu adalah hak menteri - menteri berkenaan dan mereka

boleh buat apa yang mereka suka. Datuk Sri Dr. Mahathir yang diapit oleh timbalannya, Encik Abdul Ghafar Baba dan beberapa orang menteri yang menjadi penyokong kuat beliau

**LIHAT MUKA 6**

## YAKIN PIMPIN DENGAN BERKESAN

UM 25 APR 1987

berkata beliau gembira dengan penuh keinsafan dan matang. Encik Ghafar yang memenangi jawatan Timbalan Presiden hanya dapat berkata: "Terima kasih saya pada para perwakilan. Merekalah yang telah memberi kemenangan ini kepada

bertanggungjawab mereka

saya. Insyallah tidak akan saya sia - siakan amanah yang diberikan ini."  
"Saya akan mengadakan satu kenyataan yang lebih tersusun esok. Bersabarlah. Tunggulah esok saya akan bercakap dengan lebih tenang dan sabar."